



Kementerian Kesihatan Malaysia

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KESIHATAN

HARI KANSER SEDUNIA 2026

Sempena sambutan Hari Kanser Sedunia yang disambut setiap tahun pada 4 Februari, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperbaharui tekad dalam usaha memerangi kanser melalui pendekatan segenap masyarakat atau *Whole-of-Society Approach*. KKM hari ini mengumumkan strategi yang menumpukan kepada penglibatan kolaborasi strategik antara kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) serta sektor swasta.

Sambutan pada tahun ini menekankan kanser bukan sekadar satu diagnosis perubatan, tetapi satu cabaran yang memerlukan sokongan fizikal, emosi dan sosial yang holistik. Di Malaysia, sejumlah 290,430 kes kanser dilaporkan melalui Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) bagi tahun 2017 – 2024. Lima (5) kanser utama dilaporkan di Malaysia ialah kanser payudara, kanser kolorektal, kanser paru-paru, kanser limfoma, dan kanser hati.

Jabatan Perangkaan Malaysia 2025 juga turut melaporkan kanser sebagai kematian ketiga tertinggi di Malaysia, meningkat dari 13.8% pada tahun 2023 kepada 14.3% bagi tahun 2024.

Bagi menangani beban penyakit ini, KKM akan memfokuskan kepada empat (4) inisiatif utama berkaitan pencegahan, promosi, advokasi dan saringan bagi tujuan pengesanan awal dan rawatan awal kanser melalui:

1. Pelancaran Program Wira Kanser yang merupakan usahasama strategik KKM bersama Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) dan sektor swasta dalam mewujudkan akses kepada semua lapisan masyarakat terutama kumpulan B40 dan penduduk di luar bandar dalam pencegahan, saringan dan rawatan kanser bagi enam (6) jenis kanser utama di Malaysia iaitu kanser paru-paru, kanser payudara, kanser kolorektal, kanser servik, kanser genitourinari dan kanser kanak – kanak.

2. Kerjasama Strategik Bersama 13 NGO dalam usaha pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit termasuk kanser dan penyakit berjangkit. Kerjasama ini bertujuan memperkemas aktiviti pencegahan, kawalan penyakit dan penyampaian perkhidmatan sokongan kepada pesakit secara lebih bersepadu.
3. Pelaksanaan Kempen Mai Kurang Gula, Garam dan Kalori yang mensasarkan transformasi kesihatan di tempat kerja dengan mewujudkan persekitaran pemakanan sihat melalui pendidikan, penyediaan menu sihat di kafeteria tempat kerja dan pengurangan pengambilan kalori di kalangan pekerja. Kumpulan Perbankan RHB merupakan syarikat korporat pertama yang mempelopori inisiatif ini dan akan diperluas kepada 150 syarikat dengan objektif Cabaran 50 Juta Kalori (50 Million Calories Challenge) untuk menggalakkan pengurangan kalori di tempat kerja. Inisiatif ini turut disokong oleh rakan industri pemakanan untuk menyediakan pilihan makanan rendah kalori, gula dan garam.
4. Pelaksanaan Program Akses Nutrisi Kanser bagi meningkatkan akses pemakanan sihat dengan nutrisi mencukupi kepada pesakit kanser.

Melalui gabungan inisiatif ini, kita bukan sahaja merawat, malah membentuk budaya pencegahan seawal mungkin dari pemilihan makanan di kafeteria sehinggalah saringan di komuniti. Ini adalah manifestasi komitmen negara untuk memastikan tiada rakyat Malaysia yang tertinggal dalam perjuangan melawan kanser.

KKM menyeru seluruh rakyat Malaysia, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan komuniti untuk bersama-sama menyokong inisiatif ini demi masa depan negara yang lebih sihat dan sejahtera.

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN
4 FEBRUARI 2026